

12 AUG 1997

LEBIH 170 SYARIKAT AKAN AMBIL BAHAGIAN DALAM EKSPLO BSKL

KUALA LUMPUR, 12 Ogos (Bernama) -- Lebih 170 syarikat senarai awam akan mengambil bahagian dalam Ekspo Peluang-peluang Pertumbuhan Modal Malaysia Ketiga yang akan dirasmikan oleh timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Khamis.

Ekspo itu diadakan bersempena dengan pembukaan rasmi ibu pejabat baru BSKL pada Jumaat oleh perdana menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Kemuncak ekspo itu ialah sesi khas syarikat, di mana orang ramai, pengurus dana, penganalisis serta pelabur akan dapat menemui pengurusan kanan dari 50 syarikat senarai awam teratas, demikian menurut kenyataan BSKL hari ini. -- BERNAMA

DVS SIA